

Media item**Full Text**

Malaysia jana lebih RM7.2 bilion

Kosmo, Malaysia by Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR
Negara - Page 0 - 310 words - ID my0045635537 - Photo: No - Type: -
Size: 422.00cm²

16 Oct 2021

Malaysia jana lebih RM7.2 bilion Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR Potensi perniagaan beberapa syarikat luar diperoleh di Expo 2020 Dubai PUTRAJAYA - Malaysia menjana lebih RM7.2 bilion potensi perniagaan dengan beberapa syarikat yang berpangkalan di luar negara dalam tempoh dua minggu pertama penyertaan di Expo 2020 Dubai. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jumlah keseluruhan untuk potensi perdagangan dan pelaburan tersebut diperoleh menerusi 14 Memorandum Persefahaman (MoU), tiga Surat Niat (Lol) dan dua Memorandum Kerjasama (MoC). "Ia ditandatangani 14 syarikat Malaysia dengan rakan-rakan strategik mereka dari luar negara. "Syarikat-syarikat luar negara tersebut berpangkalan di China, Mesir, India, Iran, Oman, Qatar, United Kingdom, Emiriyah Arab Bersatu dan Amerika Syarikat," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam. Beliau berkata, MoU tersebut antara lain merangkumi teknologi 'blockchain' dan 'Internet of h Things', minyak dan gas, robotik dan automasi serta penternakan akuatik dan bioteknologi. "Selain itu, ia juga melibatkan sektor berintensifkan teknologi, kenderaan udara tanpa pemandu, teknologi termal dan ultrasound serta bidang pembangunan dan penyelidikan teknologi pengekstrakan herba. "Sementara itu, Lol dan MoC pula melibatkan fabrikasi 1,000 unit modular rumah pintar hijau, pengedaran eksklusif kapal tanpa pemandu, sistem pertanian menggunakan kecerdasan bua- tan (AI) dan ramalan penyelenggaraan bagi penyelesaian projek," katanya. Beliau berkata, ia merupakan pencapaian yang amat positif sepanjang dua minggu pertama penyertaan Malaysia di ekspo mega tersebut ketika negara dalam fasa pemulihian pasca Covid-19. "Kerajaan juga yakin akan melepassi jumlah sasaran antara RM8 bilion hingga RM10 bilion terutamanya potensi perniagaan dan perdagangan dalam ekspo selama en am bulan ini." Tahniah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) selaku kementerian yang menerajui penyertaan Malaysia ke Expo 2020 Dubai, yang mana Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC) adalah agensi pelaksana," katanya. Pavilion Malaysia di Expo 2020 Dubai turut mencatatkan lebih 50,000 pengunjung dari 1 Oktober hingga kelmarin. SEORANC pengunjung berdiri di tiang bendera negara-negara yang menyertai Expo 2020 Dubai di Dubai baru-baru ini. - AFP ISMAIL SABR!

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.